

28/03/2004

Kemenangan menginsafkan bukan melalaikan

Johan Jaaffar

SEJARAH selalunya ditulis dari perspektif orang yang menang. Pada pilihan raya ke-11 yang berlangsung Ahad lalu, wajarlah Barisan Nasional (BN) menulis sejarah gemilang kemenangannya. Tetapi satu hal tidak boleh dilupakan, bahawa kemenangan seharusnya menjadikan pemimpin dan penyokong merendah diri atau humble. Kemenangan tidak seharusnya memabukkan tetapi menginsafkan.

Umno, khususnya harus sedar bahawa sebahagian besar kejayaan itu ialah kerana pendekatan Presidennya sendiri. Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengajak rakyat bekerja dengannya dan bukan untuknya. Beliau meminta mandat yang besar untuk melaksanakan tugas yang besar. Beliau menjanjikan perubahan menyeluruh untuk memastikan rakyat mendapat manfaat dari sebarang usaha kerajaan.

Pak Lah baru lima bulan di pejabat. Sudah pastilah ada mesej yang betul, ada tindakan yang diterima dan ada harapan yang dapat 'dibaca' oleh rakyat. Keputusan pilihan raya kali ini memang memeranjatkan semua orang. Bagi BN, mandat besar ini membuktikan bahawa rakyat mahukan kelangsungan. Bagi Umno, pilihan raya kali ini menebus semula maruah dan nama baiknya.

Tahun 1999 menjadi titik hitam dalam sejarah Umno. Benar, prestasi BN jauh lebih buruk daripada segi undi popular pada pilihan raya 1990. Ketika itu BN hanya memperoleh 52 peratus undi popular, berbanding dengan 56.1 peratus pada 1999. Tetapi pada tahun 1999, Umno hanya memperoleh 72 kerusi Parlimen, kurang dari separuh yang diperoleh oleh BN.

Rata-rata orang Melayu meninggalkan Umno. Pembangkang menggunakan sebaik-baiknya isu Datuk Seri Anwar Ibrahim. Pas memperoleh 27 kerusi Parlimen, jumlah paling besar dalam sejarah parti itu. Parti Keadilan Nasional yang baru ditubuhkan mendapat lima kerusi Parlimen, dan DAP 10. Apa yang menakutkan ialah bagi banyak kawasan, calon UMNO memerlukan undi bukan Melayu untuk menang di kawasan majoriti Melayu.

Kajian selepas pilihan raya menunjukkan bahawa dalam 25 kawasan yang mempunyai pengundi Melayu melebihi 80 peratus, UMNO hanya menang empat kerusi. Nasib Umno lebih baik dalam 'kawasan campuran'. Bagi kawasan yang pengundinya 50-50, calon BN menang kesemua 27 kawasan. Bagi kawasan yang mempunyai pengundi Melayu 60 hingga 70 peratus, BN memperoleh 17 dari 19 kerusi. Dalam kawasan yang pengundi Melayunya 70 hingga 80 peratus, BN hanya memperoleh lapan dari 15 kerusi.

Apabila Umno masuk ke gelanggang kali ini, beberapa persoalan pokok ditanyakan oleh semua pihak. Pertama, apakah orang Melayu rata-rata sudah menerima semula Umno? Kedua, apakah Pas terus menjadi saingan hebat pada Umno? Ketiga, apakah pakatan pembangkang akan menjadi kuasa penentu bagi menghalang laluan BN untuk memperoleh kejayaan lebih baik? Keempat, bagaimanakah pilihan lebih 800,000 pengundi baru kali ini.

Tidak ramai yang percaya bahawa Umno akan dapat menawan Terengganu dalam pilihan raya 2004. Ramai yang percaya, Kelantan akan kekal di tangan Pas. Kedah khabarnya akan menjadi medan tempur yang menentukan kalah menang mana-mana parti untuk menawan hati orang Melayu. Pahang, Selangor dan Perak akan menyaksikan ancaman Pas yang lebih hebat.

Semua itu rupanya tidak berlaku. Umno bertanding dalam 117 kerusi Parlimen dan menang 108 daripadanya. Umno bertanding di 337 Dewan Undangan Negeri dan menang 300 daripadanya. BN menawan kesemua lapan kerusi Parlimen di Terengganu dan lapan daripada 14 kerusi Parlimen di Kelantan. Di Kedah, hanya satu kerusi Parlimen masih kekal di tangan Pas.

Pas bertanding dalam 84 kerusi Parlimen tetapi menang tujuh. Ini bererti 20 kurang dari yang diperolehnya pada 1999. Dari 265 kerusi Dewan Undangan Negeri yang ditandinginya, Pas hanya menang 36. 'Gelombang Hijau' yang dikatakan akan melanda Malaysia tidak berlaku. Malah Pas mendapat pukulan paling teruk di hampir semua negeri. Walaupun Pas masih mengekalkan kerajaan negeri Kelantan, tetapi dengan 21 ahli BN dalam Dewan Undangan Negeri, kerajaan Pas akan lemas dan hilang upaya.

Orang Melayu ternyata telah kembali ke pangkuan Umno. Daripada 198 kerusi Parlimen yang dimenangi oleh BN, Umno menyumbang 108. Dan Umno kali ini tidak memerlukan undi bukan Melayu saja untuk memastikan kemenangannya di kawasan Melayu. Umno sesungguhnya memperoleh kekuatan baru.

Kekuatan ini seharusnya menginsafkan Umno. Umno sepatutnya belajar dari apa yang berlaku pada 1999. Ketika itu, Umno lemah dan diperlekehkan. Internet menjadi bahan berkesan mengecam Umno. Tidak ada akhbar arus perdana yang dapat menandingi pengaruh Internet dan lidah rasmi Pas ketika itu, Harakah. Anak-anak muda menjadi agen menyebarkan 'berita alternatif' pada ibu bapa mereka. Kebencian pada Umno di kalangan sebahagian orang Melayu terasa benar.

Beberapa faktor mengubah senario itu kali ini. Pertama, tentunya Perdana Menteri yang baru. Rata-rata Pas dan sekutunya hilang sasaran utama mereka - Tun Dr Mahathir Mohamad. Kedua, personaliti Perdana Menteri yang baru. Tidak ada sebab mereka boleh menghalakan meriam serangan pada orang yang baru lima bulan di pejabat. Ketiga, pengundi selalunya memberi peluang pada orang baru. Keempat, isu besar 1998 pada dasarnya mulai dilupakan. Kelima, peranan yang dimainkan oleh Puteri Umno.

Puteri Umno terbukti menunjukkan pengaruhnya dalam beberapa pilihan raya kecil sebelum ini. Puteri Umno bukan sahaja bersedia turun ke gelanggang untuk meraih undi di kawasan 'hitam' tetapi memberikan tenaga kerja baru di 'pondok-pondok panas' BN ketika hari mengundi.

Tidak kurang pentingnya ialah orang Melayu mulai sedar bahawa Pas bukan alternatif yang mereka mahukan. Pas ialah parti politik, dulu, kini dan selamanya. Sasarannya ialah untuk mendapat kuasa. Maka itu matlamat menghalalkan cara. Pas akan berbuat apa saja untuk menang, waima menjual nama Islam dan Pas ialah parti yang dogmatik yang memperjuangkan Islam yang tidak disenangi oleh mereka yang berfahaman sederhana.

Bagi saya kekalahan Pas ialah kemenangan manis golongan Islam yang sederhana atau moderates - golongan yang selama ini mendiamkan diri apabila agenda Islam 'diculik' oleh Pas demi kepentingan politik mereka.

Apa yang lebih penting ialah generasi pengundi baru juga sedar hakikat bahawa Pas bukan parti yang sesuai untuk negara ini - walau apapun dan bagaimanapun 'pakaian' yang dipakai oleh pemimpinnya. Ini kemenangan kewarasan di atas ketaksuban.

Umno juga harus sedar bahawa ini kesempatan yang terbaik untuk meyakinkan penyokong Pas dan simpatisan Pas bahawa Umno berniat baik. Umno tidak berniat membalas dendam. Umno bersedia menghulurkan tangan untuk mengajak semua orang Melayu untuk meneruskan 'agenda Melayu' yang belum selesai. UMNO harus ingat, undi popular untuk Pas dan parti lain masih besar jumlahnya.

Kejayaan Umno datangnya dari sokongan semua orang - bukan penyokong dan simpatisan Umno saja. Maka itu 'orang di sebelah pagar' juga ingin tahu Umno yang macam mana yang diberikan kemenangan kali ini. Apakah Umno yang menjadi angkuh atau yang mabuk kuasa? Atau Umno yang insaf bahawa lima tahun selepas ini mereka akan menghadapi pengundi sekali lagi.

Ingat, Pas kalah antara lain kerana kesombongan mereka di Terengganu. Umno pernah kalah di Terengganu kerana Umno tidak prihatin pada suara dan aspirasi rakyat. Jangan sampai pisang berbuah dua kali. Gunakanlah kemenangan dengan bijaksana. Kerana orang yang menang akan lebih dihormati

sekiranya mereka menggunakan kemenangan dengan cara demikian.

Ingat kata Pak Lah, mandat ini satu amanah yang besar. Setiap pemimpin Umno dan komponen BN harus menjadikan itu sebagai misi utama sewaktu mereka menjalankan tugas. Sebarang indeks prestasi yang bakal dilaksanakan harus bertolak dari falsafah ini.

* Penulis pernah menjadi Ketua Pengarang Kumpulan Akhbar Utusan Melayu (M) Bhd